

17 DEC 1998

LEAD Mahathir-Iraq/I

MALAYSIA BANTAH TINDAKAN A.S MENGEBOM IRAQ, KATA MAHATHIR

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia membantah tindakan Amerika Syarikat dan Britain mengebom Iraq hari ini.

"Kita tidak fikir harus ada sebarang penggunaan kekerasan," kata beliau kepada wartawan selepas rundingan dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di sini hari ini.

Dr Mahathir dan Goh berada di sini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Keenam Asean yang tamat semalam.

Ketika ditemui wartawan kemudian, Dr Mahathir menegaskan bahawa Malaysia menentang penggunaan sebarang kekerasan dalam menyelesaikan masalah atau pertikaian.

"Kita sentiasa mendukung pendapat itu," katanya pada akhir kunjungannya ke Vietnam, bagi menghadiri sidang kemuncak itu.

"Kita tidak fikir harus ada sebarang penggunaan kekerasan. Kita melihat kekerasan digunakan lebih untuk kepentingan orang yang menerimapakai kekerasan, bukan kerana adanya pencabulan hak asasi manusia," kata Dr Mahathir.

Beliau diminta mengulas tindakan Amerika Syarikat dan Britain melancarkan serangan bom terhadap Iraq kerana gagal mematuhi resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai pemeriksaan senjata-senjata kimia di negara itu.

Dr Mahathir berkata penduduk-penduduk di Kosovo turut dibunuh "tetapi kita tidak melihat sebarang tindakan untuk menggunakan kekerasan yang sama."

Perdana Menteri berkata bagi kes Iraq, negara-negara jirannya tidak meminta supaya Iraq diserang.

Menurutnya terdapat kes-kes yang lebih serius membabitkan pencabulan undang-undang yang memerlukan tindakan.

Amerika Syarikat melancarkan serangan udara terhadap Iraq awal hari ini, sehari sebelum Dewan Perwakilan AS sepatutnya membuat keputusan sama ada mendakwa Presiden Bill Clinton berkaitan skandal Monica Lewinsky.

Serangan itu berikutan pemindahan pemeriksa senjata Bangsa-bangsa Bersatu dari Baghdad selepas mereka mendakwa Iraq berhenti memberi kerjasama kepada mereka.

Amerika Syarikat dilaporkan mengerah lebih 200 pesawat dan 20 kapal perang termasuk 15 pengebom B-52, ke kawasan Teluk dengan membawa lebih 400 peluru berpandu dan bom lain.

Di KUALA LUMPUR, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengutuk serangan ketenteraan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

"Tindakan ini mencabuli prinsip penyelesaian secara aman bagi sebarang pertikaian dan Piagam PBB," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra.

Abdullah berkata tindakan terhadap Iraq boleh menjadi satu ikutan yang membahayakan dan sehubungan itu, Malaysia menggesa negara-negara anggota Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya membantah sekeras-kerasnya tindakan Amerika Syarikat.

"Malaysia menganggap dialog dan perundingan penting bagi mengekalkan kewibawaan proses PBB untuk mengawasi program persenjataan Iraq. Malaysia melihat tiada keadilan bagi tindakan ketenteraan ini yang menceroboh Iraq dan juga memperkecilkan mandat Majlis Keselamatan PBB," katanya.

Abdullah berkata Malaysia menggesa supaya segera Majlis Keselamatan PBB

mengadakan sesi tergepang untuk membincangkan keadaan itu dan menghentikan tindakan ketenteraan terhadap Iraq.

"Iraq pula perlu memastikan ia mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB. Sekatan selama lapan tahun sudahpun membawa kesengsaraan terhadap Iraq dan rakyatnya, oleh itu, serangan ketenteraan terbaru AS langsung tidak boleh diterima. Ia akan hanya menjejaskan lagi keamanan dan keselamatan di rantau ini.

"Kekerasan tidak boleh digunakan sebagai cara menangani pertikaian antarabangsa kecuali apabila adanya pencabulan atau pembunuhan berama-ramai seperti yang berlaku di Kosovo dan Bosnia-Herzegovina," katanya.

Abdullah berkata Malaysia juga menggesa Amerika Syarikat dan Britain supaya segera menghentikan tindakan ketenteraan mereka terhadap Iraq.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata penggunaan ketenteraan bukan penyelesaian kepada masalah PBB dengan Iraq.

"(Mereka) perlu menyelesaikannya melalui meja rundingan dan kita menganggap penglibatan ketenteraan selalunya tidak mendatangkan manfaat.

"Orang yang tidak berdosa, rakyat yang tidak terlibat dalam apa jua perselisihan dan konflik yang berlaku akan menjadi mangsa," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan Presiden Clinton cuba mengalihkan pandangan dunia berikutan skandal seksnya, Syed Hamid berkata: "Saya fikir kalau kita hendak mengalih pandangan dalam masalah dalaman ia tak perlu menimbulkan kesengsaraan dan menjadikan negara lain sebagai mangsa."

Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) turut mengutuk serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq itu.

"AS sudah keterlaluan dan sepatutnya dikutuk kerana mengambil tindakan secara unilateral untuk menyerang sebuah negara yang tidak dapat mempertahankan dirinya," kata Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Lim, Menteri Perusahaan Utama, berkata Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sepatutnya bersidang untuk mengutuk tindakan AS itu.

"Kalau tidak, bubarkan sahaja Majlis Keselamatan PBB dan Perhimpunan Agung dan biarkan Amerika Syarikat memerintah dunia," katanya.

Beliau berkata tidak ada negara yang boleh menerima penggunaan kekerasan yang merosakkan peranan PBB sendiri.

Ketika ditanya sama ada Clinton menggunakan serangan itu untuk mengalih perhatian rakyat Amerika dan dunia daripada skandal seksnya dengan bekas pelatih Rumah Putih, Lim berkata: "Apa pun jua, dunia hanya boleh membuat satu rumusan bahawa presiden AS menggunakan pihak lain untuk mengalihkan perhatian daripada masalahnya sendiri.

"Jika ia benar, ia adalah tindakan yang sangat kejam," katanya.

Di RANTAU PANJANG, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq hari ini tidak boleh diterima oleh mana-mana negara termasuk Malaysia kerana ia menyebabkan penderitaan rakyat.

Beliau berkata serangan oleh Amerika Syarikat itu adalah bertentangan dari segi kemanusiaan dan amalan demokrasi.

"Malaysia mempunyai dasar yang tetap iaitu apa pun pergeseran politik antara sesebuah negara dengan negara lain, rakyat tidak boleh diseksa," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan kakitangan kerajaan yang bertugas di sempadan antara Malaysia dan Thailand di sini, hari ini.

Abdul Hamid berkata Malaysia melahirkan rasa sedih terhadap serangan itu kerana apabila bom digugurkan sudah tentu orang awam akan menjadi mangsa.

"Dalam dunia yang mengamalkan demokrasi, apa pun krisis mesti diselesaikan secara rundingan bukannya kekerasan," katanya.

Sementara itu, Biro Antarabangsa Umno Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain menyerang

Iraq.

Setiausahanya, Mustapha Yaakub berkata serangan itu jelas menunjukkan Presiden Clinton cuba mengalihkan pandangan rakyat Amerika Syarikat terhadap tekanan kongres dan senat terhadap skandal seksnya dengan Lewinsky.

"Biro Antarabangsa Umno Malaysia mendesak seluruh negara Islam bangkit menyuarakan bantahan yang keras terhadap serangan ini," katanya selepas mengikuti rombongan Abdul Hamid melawat selatan Thailand, hari ini.

Beliau berkata OIC selaku sebuah organisasi negara-negara Islam perlu membuat keputusan dengan segera berhubung serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq itu.

Pergerakan Pemuda Umno juga mengutuk tindakan keterlaluan Amerika Syarikat itu terutama ketika Clinton sedang bergelut dengan masalah peribadinya, kata pemangku ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Ini adalah satu realiti dunia yang unipolar yang tiada imbalan kuasa dan menunjukkan keangkuhan negara besar seperti Amerika Syarikat dengan mengambil tindakan ketenteraan sewenang-wenangnya untuk tujuan peribadi mereka," katanya selepas majlis anugerah perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan Kementerian Perusahaan Utama di sini.

Hishammudin, yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama, berkata tindakan Pemuda mengutuk serangan Amerika tidak bermakna pergerakan itu menyokong semua tindakan Iraq.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim menganggap tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq sebagai perbuatan pengecut.

Katanya Iraq kini merupakan negara yang daif kerana sekatan ekonomi PBB dan kelemahan itu dipergunakan oleh Amerika Syarikat untuk menekan negara kecil itu.

"Menyerang sebuah negara yang daif oleh sebuah negara yang kuat adalah perbuatan pengecut," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menteri Besar juga mengajak umat Islam di negara ini bersembahyang hajat dan berdoa supaya golongan tidak berdosa di Iraq bebas daripada menjadi mangsa serangan itu.

Parti-parti pembangkang juga menyuarakan bantahan mereka terhadap serangan bom ke atas Iraq.

Setiausaha Agung DAP dan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang berkata langkah itu menunjukkan Clinton menggunakan kekerasan bagi menyelamatkan kedudukannya sebagai presiden daripada dikenakan pendakwaan oleh Dewan Perwakilan Amerika Syarikat.

Serangan udara itu dilakukan semasa Majlis Keselamatan PBB sedang mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan laporan ketua pemeriksa senjata PBB Richard Butler, katanya.

"Tindakan mengebom Iraq semasa Majlis Keselamatan PBB mengadakan mesyuarat tergempar mengenai krisis Irtaq menunjukkan bahawa kerajaan Amerika Syarikat bukan sahaja menghina badan dunia itu tetapi bersalah kerana meneruskan agenda peribadi Presiden Amerika tanpa mengambil kira pendapat dunia dan ia harus ditentang oleh masyarakat antarabangsa," kata Kit Siang dalam satu kenyataan di sini.

Parti Rakyat Malaysia (PRM) pula berkata waktu serangan udara itu dilakukan perlu dipersoalkan kerana proses pendakwaan terhadap Clinton dijadualkan esok.

"Kini, berikutan perkembangan ketenteraan ini, ia (pendakwaan) itu telah ditangguhkan," kata presiden PRM, Dr Syed Husin Ali.

Badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga mengutuk serangan udara Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq.

Suara Rakyat Malaysia (Suaram) meminta semua negara yang cintakan keamanan supaya menekan Mahkamah Antarabangsa agar mendakwa Amerika dan

Britain kerana tindakan jenayah terhadap rakyat Iraq.

"Tindakan Amerika dan Britain melampaui batas-batan rasional dan kemanusiaan. Iraq tidak seharusnya dijadikan mangsa hanya kerana mahu melindungi masa depan politik Clinton atau tabiat seksualnya," kata penyelaras Suaram S.Arutchelvan.

-- BERNAMA

TM NAK